

INTERPRETASI LAKARAN MOTIF BUNGA DALAM SENI UKIRAN KAYU ADIGURU ABD. MUHAIMIN HASBOLLAH

INTERPRETATION OF FLORAL MOTIF SKETCHES IN THE WOOD CARVING ART OF ADIGURU ABD. MUHAIMIN HASBOLLAH

Yusniza Mohamed Yusof^{1*}

Harleny Abd. Arif²

Norakmal Abdullah³

Nurul Eza Martu⁴

¹ Fakulti Seni, Kelestarian dan Industri Kreatif, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia,
(E-mail: fatimaaisya3636@gmail.com)

² Fakulti Seni, Kelestarian dan Industri Kreatif, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia,
(E-mail: harleny@fskik.upsi.edu.my)

³ Fakulti Seni, Kelestarian dan Industri Kreatif, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia,
(E-mail: norakmal@fskik.upsi.edu.my)

⁴ Fakulti Seni, Kelestarian dan Industri Kreatif, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia,
(E-mail: cdw8423@gmail.com)

*Corresponding author: fatimaaisya3636@gmail.com

Article history

Received date : 7-11-2025

Revised date : 8-11-2025

Accepted date : 21-12-2025

Published date : 21-12-2025

To cite this document:

Mohamed Yusof, Y., Abd. Arif, H., Abdullah, N., & Martu, N. E. (2025). Interpretasi lakaran motif bunga dalam seni ukiran kayu Adiguru Abd. Muhaimin Hasbolla. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (79), 185 – 209.

Abstrak: Seni ukiran kayu Melayu merupakan warisan budaya yang sarat dengan nilai estetika serta makna simbolik yang diwarisi secara turun-temurun sejak berabad lamanya. Ia bukan sekadar berperanan sebagai hiasan, tetapi turut mengandungi falsafah kehidupan, nilai kerohanian, serta pandangan masyarakat Melayu. Antara elemen penting dalam ukiran kayu ialah motif bunga, yang berfungsi sebagai medium ekspresi budaya, lambang keseimbangan alam, kehalusan seni, serta manifestasi nilai spiritual yang dipercayai sejak dahulu. Kajian ini membincangkan interpretasi lakaran motif bunga dalam seni ukiran kayu karya Adiguru Abd. Muhaimin Hasbolla. Lima motif utama, iaitu bunga asam gelugur, bunga bungor, bunga kopi, bunga mempisang, dan bunga tanjung telah dianalisis melalui kaedah kualitatif berasaskan analisis visual dan temu bual separa berstruktur. Dapatan kajian menunjukkan bahawa lakaran bukan sahaja berfungsi sebagai panduan teknikal, malah memuatkan nilai estetika, falsafah, dan simbolisme yang mendalam. Motif bunga melambangkan keharmonian, ketekunan, kesucian, serta hubungan erat masyarakat Melayu dengan alam semula jadi. Kajian ini juga mengesahkan bahawa lakaran memainkan peranan penting dalam menjaminimbangan, kesatuan, dan irama dalam penghasilan karya seni. Implikasi kajian ini menegaskan kepentingan dokumentasi sistematik bagi pemeliharaan warisan seni ukiran kayu Melayu, selain menyediakan rujukan ilmiah untuk pendidikan, industri kreatif, dan generasi muda dalam memahami serta menginovasikan seni tradisional tanpa menjejaskan akar budayanya.

Kata Kunci: *Adiguru Abd. Muhaimin Hasbollah, lakaran motif bunga, seni ukiran kayu, estetika Melayu, simbolisme budaya, warisan*

Abstract: *Malay wood carving art is a cultural heritage rich in aesthetic values and symbolic meanings, passed down through generations over centuries. It not only serves a decorative function but also embodies life philosophy, spiritual values, and the perspectives of the Malay community. Among the key elements in wood carving is the floral motif, which functions as a medium for cultural expression, a symbol of natural balance, artistic refinement, and a manifestation of spiritual values believed since ancient times. This study discusses the interpretation of floral motif sketches in the wood carving art of Adiguru Abd. Muhaimin Hasbollah. Five main motifs, namely bunga asam gelugur, bunga bungor, bunga kopi, bunga mempising, and bunga tanjung, were analyzed using a qualitative method based on visual analysis and semi-structured interviews. The findings indicate that the sketches function not only as technical guides but also embody deep aesthetic, philosophical, and symbolic values. The floral motifs represent harmony, diligence, purity, and the close relationship of the Malay community with nature. This study also confirms that the sketches play a significant role in ensuring balance, unity, and rhythm in the creation of artworks. The implications of this study emphasize the importance of systematic documentation for the preservation of Malay wood carving heritage, while also providing scholarly references for education, the creative industry, and younger generations to understand and innovate traditional art without compromising its cultural roots.*

Keywords: *Adiguru Abd. Muhaimin Hasbollah, floral motif sketches, wood carving art, Malay aesthetics, cultural symbolism, heritage*

Pendahuluan

Seni ukiran kayu tradisional merupakan warisan seni halus yang diwarisi turun-temurun dalam budaya Melayu. Ia bukan sahaja berfungsi sebagai hiasan, malah memiliki nilai estetika, falsafah, dan simbolisme yang tinggi. Motif utama dalam ukiran ini kebanyakannya diinspirasi daripada alam semula jadi seperti flora, fauna, dan bentuk geometri yang diolah mengikut prinsip pengisian ruang tanpa meninggalkan kekosongan (Mohd Sabrizaa et al., 2023). Seni ukiran kayu, yang sering diaplikasikan pada komponen seni bina seperti dinding, tingkap, pintu, mimbar, dan perabot, terus dikembangkan dalam era moden melalui pendidikan dan pemuliharaan warisan, termasuk dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual (Jabatan Warisan Negara, 2022).

Dalam tradisi seni ukiran kayu Melayu, motif bunga menjadi elemen dominan kerana bukan sahaja memenuhi keperluan estetik, tetapi juga sarat dengan simbolik, falsafah, dan nilai budaya. Motif bunga melambangkan keharmonian, spiritualiti, serta hubungan erat masyarakat Melayu dengan alam sekitar (Tengku Mariam et al., 2024). Unsur flora, seperti bunga, turut mencerminkan identiti dan pemikiran budaya Melayu yang holistik dan berteraskan alam semula jadi (Ahmad Asri & Yusoff, 2022).

Keindahan seni ini juga diperkaya oleh tokoh pengukir tersohor seperti Adiguru Abd. Muhaimin Hasbollah, yang menerima pengiktirafan sebagai Adiguru Kraf pada tahun 2019 (Kraftangan Malaysia, 2019). Beliau dikenali dengan kepakarannya dalam mengangkat motif tradisional, khususnya motif bunga, sambil memperkenalkan inovasi reka bentuk yang selari dengan cita rasa kontemporari (Yusniza, 2020). Lakaran motif bunganya, antaranya bunga

asam gelugur, bunga kopi, bunga bungor, bunga mempising, dan bunga tanjung, bukan sahaja memikat dari segi visual, tetapi juga menyampaikan mesej simbolik yang mendalam.

Walaupun seni ukiran kayu Melayu telah dibincangkan secara meluas dalam konteks sejarah, teknik pembuatan, fungsi seni bina dan estetika visual, kajian yang meneliti lakaran sebagai tapak konseptual kepada pembentukan motif, khususnya motif bunga, masih amat terhad. Kebanyakan penyelidikan terdahulu menumpukan analisis terhadap produk akhir ukiran (Ismail & Ahmad, 2001; Sabrizaa, 2009; Mohammad Nazzri, 2013; Hanita, 2018), sedangkan lakaran merupakan fasa kritikal yang menentukan struktur formal, susunan komposisi dan hala tuju makna simbolik sesebuah motif. Kekosongan ini menyebabkan kefahaman terhadap proses pemikiran estetik dan falsafah pengukir Melayu tidak dapat diterokai secara menyeluruh.

Di peringkat antarabangsa, kajian seni ukiran kayu dan seni hiasan tradisional banyak memberi penekanan kepada analisis formal, gaya dan konteks material, namun sering memisahkan perbincangan antara proses kreatif artis dan makna ikonografik motif (misalnya dalam kajian seni hias Asia dan seni rakyat Eropah) (Ștefănescu, 2017; Novica et al., 2023). Kajian yang menggabungkan analisis lakaran, prinsip estetika tempatan, dan tafsiran ikonografi berasaskan konteks budaya setempat masih kurang diketengahkan. Justeru, seni ukiran kayu Melayu sering ditafsir menggunakan kerangka umum Barat yang tidak sepenuhnya mencerminkan epistemologi seni tempatan.

Selain itu, walaupun Adiguru Abd. Muhaimin Hasbollah diiktiraf sebagai tokoh penting dalam pemeliharaan dan inovasi seni ukiran kayu Melayu, kajian akademik yang mendokumentasikan serta mentafsir lakaran motif bunga beliau secara sistematik hampir tidak wujud. Ketiadaan dokumentasi ilmiah ini bukan sahaja menjejaskan usaha pemeliharaan warisan tidak ketara, malah menyukarkan pemindahan ilmu, nilai dan falsafah seni kepada generasi baharu.

Sehubungan itu, kajian ini mengisi jurang penyelidikan dengan meneliti lakaran motif bunga karya Adiguru Abd. Muhaimin Hasbollah melalui gabungan analisis formalistik seni, Prinsip Estetika Zakaria Ali dan pendekatan ikonografi. Keaslian kajian ini terletak pada usaha menghubungkan proses lakaran, struktur visual dan makna simbolik dalam satu kerangka analisis bersepadu, sekali gus menyumbang perspektif tempatan yang signifikan kepada wacana antarabangsa mengenai seni ukiran kayu dan seni tradisional.

Kajian Literatur

Lakaran sebagai Medium Pemikiran Visual dalam Proses Kreatif Seni

Lakaran diakui sebagai elemen asas dalam proses penciptaan karya seni kerana fungsinya sebagai medium pemikiran visual yang membolehkan pengkarya mengolah, menyusun, mengulang dan merefleksi idea secara sistematik. Novica et al. (2023) menyatakan bahawa melalui lakaran, pengkarya dapat menstrukturkan pengolahan idea serta menilai keseimbangan komposisi visual dan sekali gus memperkukuh kemahiran pemikiran visual yang kritikal. Dalam konteks ini, lakaran bukan sekadar peringkat awal yang bersifat teknikal, sebaliknya berfungsi sebagai ruang eksperimentasi idea yang menentukan hala tuju sesebuah karya.

Walau bagaimanapun, kajian antarabangsa berkaitan lakaran cenderung membincangkan peranannya dalam disiplin seni lukis, reka bentuk grafik dan seni bina, dengan penekanan kepada aspek kognitif dan pedagogi (Ștefănescu, 2017). Ștefănescu (2017) menegaskan bahawa meskipun lakaran berada pada fasa awal, peranannya bersifat menentukan kerana kegagalan

pada tahap ini boleh menyebabkan karya akhir menjadi tidak terarah dan lemah dari segi komposisi. Namun demikian, pendekatan ini masih bersifat umum dan kurang mengambil kira konteks budaya tradisional, khususnya dalam seni kraf warisan seperti ukiran kayu. Kekosongan ini menunjukkan bahawa fungsi lakaran sebagai medium pemikiran visual dalam seni tradisional masih belum diterokai secara mendalam.

Dalam konteks seni ukiran kayu, lakaran berfungsi sebagai mekanisme kawalan awal bagi mengelakkan kesilapan teknikal dan memastikan ketepatan reka bentuk sebelum proses pengukiran dijalankan (Mohamed et al., 2022). Namun, kebanyakan kajian ini masih bersifat deskriptif dan menekankan fungsi praktikal lakaran, tanpa membincangkan dimensi estetik dan simbolik yang terkandung dalam struktur visual lakaran itu sendiri. Justeru, terdapat keperluan untuk meneliti lakaran bukan sahaja sebagai alat teknikal, tetapi sebagai teks visual yang mencerminkan pemikiran estetik pengukir.

Lakaran dan Pembentukan Motif Flora dalam Seni Ukiran Kayu Melayu

Motif flora merupakan elemen dominan dalam seni ukiran kayu Melayu dan sering dihasilkan bermula daripada lakaran awal. Kajian awal menunjukkan bahawa penggunaan lakaran membantu menghasilkan susunan motif yang seimbang, simetri dan sistematik, sekali gus menyumbang kepada kualiti visual ukiran (Mohamed et al., 2022). Walaupun dapatan ini mengesahkan kepentingan lakaran dalam pembentukan motif, analisis yang diberikan masih tertumpu kepada hasil akhir ukiran, tanpa meneliti bagaimana struktur lakaran itu sendiri membentuk pola visual dan makna motif.

Kajian dokumentasi seperti *Woodcarving Motifs of Melaka Traditional House: Rumah Mohd Hassan Bin Ali* oleh Farah Wahidah dan Arba'iyah (2024) pula memberi sumbangan penting dari segi pendokumentasian motif flora tempatan dan nilai estetika tradisional. Namun, pendekatan kajian ini lebih bersifat inventori visual, dengan fokus kepada pengenalpastian jenis motif, dan kurang memberi penekanan terhadap proses kreatif pengukir pada peringkat lakaran. Hal ini menunjukkan bahawa kajian sedia ada masih belum menghubungkan secara langsung antara lakaran, struktur visual motif dan falsafah estetik yang mendasarinya.

Motif Bunga sebagai Representasi Estetika dan Simbolisme Budaya Melayu

Dalam seni ukiran kayu Melayu, motif bunga bukan sekadar elemen dekoratif, sebaliknya sarat dengan makna simbolik dan falsafah hidup masyarakat. Ahmad Naim dan Siti Ainsyah (2022) menegaskan bahawa motif bunga melambangkan hubungan erat masyarakat Melayu dengan alam semula jadi, serta membawa makna kesejahteraan, kesuburan dan keharmonian. Walaupun kajian ini berjaya menjelaskan simbolisme motif secara konseptual, perbincangan masih tertumpu kepada interpretasi umum dan belum mengaitkannya secara mendalam dengan proses lakaran sebagai asas pembentukan makna tersebut.

Kajian oleh Nurul Shakira et al. (2022) mengenai motif bunga ketam guri di Besut, Terengganu menunjukkan bagaimana gabungan pola "S" dan "C" menghasilkan komposisi beralun yang dinamik. Kajian ini memperlihatkan kreativiti pengukir dalam mengolah motif flora, namun analisis masih tertumpu kepada struktur motif akhir dan kurang meneliti bagaimana keputusan estetik tersebut terbentuk pada peringkat lakaran. Ini menunjukkan jurang dalam memahami proses pemikiran visual pengukir sebelum motif direalisasikan dalam bentuk ukiran.

Begitu juga, Mohd Rozaimi dan Mohd Yuszaidy (2020) menegaskan bahawa lakaran awal memberi kebebasan kepada pengkaryanya untuk menyesuaikan bentuk, saiz dan susunan motif

bunga seperti bunga tanjung dan sulur. Walaupun kajian ini mengiktiraf peranan lakaran dalam kreativiti pengukir, perbincangan masih belum mengaitkan lakaran tersebut dengan kerangka estetika Melayu secara sistematik.

Teori dan Jurang Kajian

Secara keseluruhan, kajian antarabangsa berkaitan lakaran menekankan aspek kognitif dan proses kreatif secara umum, manakala kajian tempatan pula lebih menumpukan dokumentasi motif dan simbolisme budaya. Kedua-dua aliran kajian ini masih terpisah antara analisis proses (lakaran) dan tafsiran makna (ikonografi dan estetika). Prinsip Estetika Zakaria Ali (1987), yang berakar daripada konteks budaya Melayu, menyediakan asas teori yang sesuai untuk merapatkan jurang ini kerana menekankan nilai halus, berguna dan bermakna dalam seni. Namun, prinsip ini masih kurang diaplikasikan secara empirik dalam kajian seni ukiran kayu, khususnya pada peringkat analisis lakaran.

Oleh itu, kajian ini memposisikan dirinya dengan menggabungkan analisis lakaran motif bunga, Prinsip Estetika Zakaria Ali dan pendekatan ikonografi bagi memahami hubungan antara struktur visual, proses kreatif dan makna simbolik dalam seni ukiran kayu Melayu. Pendekatan ini bukan sahaja melengkapkan kekurangan kajian terdahulu, malah menyumbang perspektif tempatan yang lebih kontekstual dalam wacana seni tradisional di peringkat antarabangsa.

Metodologi

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk kajian kes tunggal bagi memperoleh pemahaman mendalam terhadap lakaran motif bunga dalam seni ukiran kayu aliran Adiguru Abd. Muhaimin Hasbollah. Pendekatan kajian kes dipilih kerana ia membolehkan penyelidikan meneliti sesuatu fenomena secara holistik dalam konteks sebenar, khususnya apabila kajian tertumpu kepada tokoh, karya dan proses kreatif yang bersifat unik serta tidak dapat digeneralisasikan secara statistik. Pemilihan Adiguru Abd. Muhaimin Hasbollah sebagai kes kajian adalah wajar memandangkan beliau merupakan tokoh kraf yang diiktiraf serta konsisten menghasilkan lakaran motif bunga sebagai asas penghasilan ukiran kayu. Kajian ini menggabungkan dua kaedah utama pengumpulan data, iaitu analisis visual dan temu bual separa berstruktur, bagi membolehkan triangulasi data dan meningkatkan ketepatan dapatan kajian.

Pemilihan Sampel Lakaran

Sebanyak lima lakaran motif bunga dipilih secara bertujuan (*purposive sampling*), iaitu bunga asam gelugur, bunga kopi, bunga bungor, bunga mempisang dan bunga tanjung. Pemilihan ini dibuat berdasarkan beberapa kriteria utama. Pertama, motif-motif tersebut merupakan antara motif flora yang kerap digunakan oleh Abd. Muhaimin Hasbollah dalam penghasilan ukiran kayu beliau. Kedua, kelima-lima motif ini mempamerkan kepelbagaian struktur visual, susunan komposisi dan gaya pengolahan motif, sekali gus membolehkan perbandingan analitikal dilakukan. Ketiga, motif yang dipilih mempunyai kepentingan simbolik dalam budaya Melayu, yang menjadikannya sesuai untuk dianalisis dari sudut estetika dan ikonografi. Pemilihan sampel secara bertujuan ini bertujuan memastikan data yang diperoleh benar-benar relevan dengan fokus kajian, iaitu memahami peranan lakaran sebagai asas pembentukan motif bunga dalam seni ukiran kayu Melayu.

Prosedur Pengumpulan Data

Analisis Visual Lakaran

Analisis visual dijalankan terhadap lima lakaran motif bunga dengan memberi tumpuan kepada aspek formalistik seni, termasuk bentuk, garis, imbangan, irama dan komposisi. Pemerhatian sistematik dilakukan bagi mengenal pasti bagaimana unsur visual disusun dan diolah pada peringkat lakaran untuk menghasilkan keharmonian serta keindahan estetik. Analisis ini membolehkan penyelidik memahami struktur visual lakaran sebelum ia diterjemahkan ke dalam bentuk ukiran kayu sebenar.

Temu Bual Separa Berstruktur

Kaedah temu bual separa berstruktur dijalankan bersama Adiguru Abd. Muhaimin Hasbollah sebagai informan utama kajian. Temu bual ini bertujuan mendapatkan penjelasan langsung mengenai rasional pemilihan motif bunga, proses penghasilan lakaran, serta tafsiran simbolik dan falsafah yang mendasari setiap motif. Pendekatan separa berstruktur membolehkan penyelidik mengekalkan fokus kepada objektif kajian, di samping memberi ruang kepada informan untuk berkongsi pengalaman dan pandangan secara mendalam berdasarkan amalan kreatif beliau.

Proses Pengekoden dan Analisis Data

Data daripada analisis visual dan temu bual dianalisis menggunakan pendekatan pengkoden tematik. Proses analisis bermula dengan pengkoden terbuka bagi mengenal pasti tema awal berkaitan struktur visual, prinsip estetik dan makna simbolik motif bunga. Seterusnya, pengkoden paksi dilakukan bagi menghubungkan tema-tema yang berkaitan dengan kerangka teori kajian. Analisis data dijalankan berpanduan dua kerangka teori utama, iaitu Prinsip Estetika Zakaria Ali (1987) dan pendekatan ikonografi. Prinsip Estetika Zakaria Ali digunakan untuk menilai penerapan enam unsur utama, iaitu halus, berguna, bersatu, berlawanan, berlambang dan bermakna dalam lakaran motif bunga. Kerangka ini membantu menafsir bagaimana keharmonian visual, pergerakan dan penggunaan ruang dizahirkan melalui lakaran. Pendekatan ikonografi pula digunakan untuk mentafsir simbolisme motif bunga melalui dua tahap analisis, iaitu pra-ikonografi (pemerhatian terhadap bentuk visual) dan ikonografi (pentafsiran makna tersirat), seperti yang diuraikan oleh Dina dan Arif Ardy (2019). Gabungan kedua-dua kerangka ini membolehkan analisis dijalankan secara menyeluruh, merangkumi aspek visual, estetik dan makna budaya.

Etika Kajian

Kajian ini mematuhi prinsip etika penyelidikan kualitatif. Persetujuan bertulis (informed consent) telah diperolehi daripada informan sebelum temu bual dijalankan. Informan dimaklumkan tentang tujuan kajian, kaedah pengumpulan data serta penggunaan maklumat untuk tujuan akademik. Identiti dan maklumat sensitif informan dikendalikan secara beretika, dan data digunakan hanya untuk tujuan penyelidikan. Kajian ini juga mematuhi garis panduan etika penyelidikan institusi yang berkaitan.

Kesahan dan Kebolehpercayaan Data

Kesahan dan kebolehpercayaan data diperkukuh melalui triangulasi kaedah, iaitu perbandingan dapatan analisis visual dan temu bual. Selain itu, semakan peserta (*member checking*) digunakan dengan mendapatkan pengesahan informan terhadap tafsiran penyelidik bagi memastikan ketepatan makna yang ditafsirkan. Pendekatan ini membantu mengurangkan bias penyelidik dan meningkatkan ketepatan serta kredibiliti dapatan kajian.


Dapatan Kajian

Hasil dapatan daripada analisis menunjukkan bahawa setiap motif bunga yang dilakar oleh Adiguru Abd. Muhaimin Hasbollah mengandungi makna mendalam yang berkait rapat dengan falsafah, simbolisme, dan estetika masyarakat Melayu. Kajian ini menginterpretasi lakaran motif bunga dalam seni ukiran kayu beliau, yang terkenal dengan kehalusan dan keunikan reka bentuk. Fokus analisis diberikan kepada lima motif bunga utama yang sering dihasilkan, iaitu bunga tanjung, bunga kopi, bunga asam gelugur, bunga mempising, dan bunga bungor. Setiap motif bunga ini bukan sekadar berfungsi sebagai elemen hiasan, sebaliknya membawa mesej yang mencerminkan nilai budaya dan tradisi masyarakat Melayu. Analisis menunjukkan bahawa penghasilan motif bunga berfungsi sebagai medium komunikasi visual yang menghubungkan elemen alam semula jadi dengan falsafah hidup masyarakat. Dengan cara ini, seni ukiran kayu karya Adiguru Abd. Muhaimin Hasbollah kekal relevan sebagai warisan budaya yang dapat menyampaikan identiti masyarakat Melayu kepada generasi masa kini.

Dalam meneliti ciri dan nilai estetik kelima-lima motif bunga tersebut, pengkaji menggunakan gabungan Prinsip Formalistik Seni, Prinsip Estetika Zakaria Ali, dan Prinsip Ikonografi. Pendekatan ini membolehkan analisis dilakukan secara menyeluruh, merangkumi aspek bentuk, keseimbangan, kesatuan, serta simbolisme yang mendasari setiap lakaran motif bunga. Hasil analisis terperinci bagi kelima-lima motif bunga dibentangkan seperti berikut.

Lakaran Motif Bunga Asam Gelugur

Lakaran motif bunga asam gelugur memperlihatkan kesatuan antara unsur bunga dan daun yang membentuk komposisi padu serta seimbang. Motif ini menampilkan keseimbangan simetri melalui pengulangan bentuk bunga dan daun yang setara pada bahagian kiri dan kanan. Walaupun kaya dengan perincian, lakaran ini mengekalkan kesederhanaan tanpa elemen berlebihan, sekali gus menonjolkan keindahan bentuk asal bunga. Kelenturan bentuk bunga dan alunan daun memberikan kesan kehalusan, kelembutan, serta keindahan seni ukiran Melayu yang sarat dengan simbolisme. Motif bunga asam gelugur bukan sekadar berfungsi sebagai hiasan dekoratif, tetapi turut mengandungi nilai estetika, falsafah, dan simbolisme yang mendalam. Ia membawa makna tentang keseimbangan alam, keberkatan hidup, serta keindahan ciptaan Tuhan yang diterjemahkan ke dalam seni ukiran kayu tradisional Melayu. Hal ini menegaskan bahawa setiap motif ukiran kayu mengandungi lapisan makna yang bukan sahaja bersifat estetik, tetapi juga mencerminkan nilai budaya Melayu-Islam yang diwarisi turun-temurun.



Lakaran 1: Motif bunga asam gelugur

Sumber: Koleksi lakaran Idea Adiguru



Gambar 1: Bunga asam gelugur

Sumber: <https://www.google.com/images>

Jadual 1: Huraian lakaran motif bunga asam gelugur

Aspek	Huraian Lakaran
Ciri Visual	Prinsip Formalistik Seni: Unsur seni • Garisan: garisan melengkung yang halus, konsisten serta beralun menghidupkan motif ukiran. • Bentuk: motif flora yang digayakan daripada bunga dan daun memperlihatkan pengolahan bentuk alamiah kepada gaya hiasan. • Ruang: komposisi ruang pada bahagian tengah yang lebih padat dengan ruang di sekeliling motif, mewujudkan keseimbangan visual yang teratur dan harmoni. • Tekstur: garisan pada kelopak bunga dan urat daun menghasilkan kesan tekstur halus yang memperkayakan permukaan motif. • Tona: variasi garisan tebal dan halus menimbulkan kontra yang menambah kedalaman serta dimensi pada ukiran. Prinsip Rekaan • Imbangan: ukiran menampilkan imbangan asimetri yang harmoni melalui kesatuan motif bunga, daun dan sulur yang digerakkan oleh garisan. • Kesatuan: gabungan antara motif bunga, daun dan sulur menghasilkan komposisi yang saling melengkapi. • Irama: ulangan bentuk daun dan bunga menciptakan alunan irama visual yang teratur dan menarik. • Penegasan: kedudukan bunga utama di bahagian tengah menjadi fokus pandangan serta penegasan visual.

- Kontras: komposisi antara bentuk daun yang melengkung dan beralun dengan bentuk bunga dan buah mewujudkan daya tarikan visual yang unik dalam keseluruhan komposisi.

Bentuk fizikal

- Struktur: motif ini menampilkan susunan yang kemas dan teratur menjelaskan lagi motif yang dihasilkan.
- Kejelasan: motif yang digunakan jelas dikenali sekali gus memperkukuh identiti visual ukiran.
- Komposisi: bentuk menegak yang diolah sesuai diaplikasikan pada panel ukiran

Simbolik, Makna dan Falsafah

Prinsip Estetika Zakaria Ali:

1. Halus
 - Garisan ukiran yang lembut dan terperinci mencerminkan ketelitian pengukir.
 - Setiap kelopak bunga dan daun dilakar dengan jelas serta mempunyai perincian yang menyerlahkan keindahan.
2. Berguna
 - Motif ini sering digunakan dalam ukiran kayu tradisional seperti hiasan rumah, perabot, dan panel dinding.
 - Bunga asam gelugur lambang keindahan dan kelembutan.
3. Bersatu
 - Komposisi motif ini menunjukkan hubungan erat antara elemen bunga, daun, dan sulur.
 - Semua unsur bercantum secara harmoni tanpa elemen yang kelihatan terpisah atau tidak seimbang.
4. Berlawan
 - Kontras antara garisan tebal dan nipis dalam lakaran, mencipta daya tarikan visual.
 - Bentuk bunga yang besar dengan daun yang lebih panjang dan lurus berkeluk, memberikan keseimbangan dinamik.
5. Berlambang
 - Motif ini melambangkan kelembutan, kehalusan budi, dan kecantikan dalam budaya Melayu.
 - Bunga asam gelugur juga dikaitkan dengan kesopanan dan nilai tradisi yang tinggi dalam masyarakat Melayu.
6. Bermakna
 - Motif ini bukan sekadar hiasan tetapi juga mempunyai nilai budaya dan spiritual yang mendalam dalam seni tradisional Melayu
 - Ia menggambarkan warisan seni ukiran kayu Melayu yang diwarisi sejak turun-temurun dan masih relevan dalam seni kontemporari.

Prinsip Ikonografi:

1. Analisis Pra-ikonografi:

Lakaran ini menggambarkan bunga asam gelugur, yang dikenali dengan kelopaknya yang berlapis dan tersusun rapi. Daun yang melengkung menambah kesan pergerakan dan kesegaran pada motif.

2. Analisis Ikonografi (makna umum):

Dalam budaya Melayu, bunga asam gelugur dikaitkan dengan kesegaran, keseimbangan, dan keperluan hidup kerana buahnya sering digunakan dalam masakan tradisional dan perubatan.


3. Analisis Ikonologi (makna tersirat) :

Motif ini merangkumi falsafah keseimbangan dalam kehidupan, hubungan antara manusia dan alam, serta nilai spiritual yang mencerminkan keindahan ciptaan Tuhan dalam seni ukiran Melayu.

- Bunga asam gelugur bukan hanya tumbuhan teduhan tetapi juga mempunyai nilai ekonomi dan perubatan, melambangkan kebergunaan sesuatu dalam kehidupan seharian.
 - Motif ini membawa makna kesejahteraan dalam kehidupan seharian, mencerminkan nilai kekeluargaan dan keberkatan dalam masyarakat Melayu.
 - Lakaran ini memperlihatkan keindahan ukiran kayu Melayu yang diwarisi sejak turun-temurun dan dihargai sebagai warisan seni yang halus serta bernilai tinggi.
-

Lakaran Motif Bunga Bungor

Lakaran motif bunga bungor memperlihatkan kesatuan antara unsur bunga, daun, dan tangkai yang membentuk komposisi harmoni. Elemen bunga utama ditempatkan di bahagian atas, manakala susunan daun dan putik bunga memberikan keseimbangan yang menyerlahkan struktur motif ukiran. Garisan minimalis serta perincian yang sederhana menonjolkan keindahan semula jadi bunga bungor tanpa mencetuskan gangguan visual. Kelopak bunga yang besar bersama daun beralun pula menambahkan kesan kelembutan, kesuburan, dan kehalusan yang menjadi ciri khas seni ukiran kayu Melayu. Motif bunga bungor dalam seni ukiran kayu bukan sekadar berperanan sebagai hiasan dekoratif, tetapi turut mengandungi nilai estetika dan makna simbolisme yang mendalam. Hal ini mencerminkan usaha pengukir Melayu dalam mengangkat elemen flora sebagai medium yang menggambarkan falsafah kehidupan, keharmonian dengan alam, serta warisan budaya yang terus dipelihara.



Lakaran 2: Motif bunga bungor

Sumber: Koleksi lakaran Idea Adiguru



Gambar 2: Bunga bungor

Sumber: <https://www.google.com/images>

Jadual 2: Huraian lakaran motif bunga bungor

Aspek	Huraian Lakaran
Prinsip Formalistik seni:	
Unsur Seni	
Ciri Visual	• Garisan: garisan lengkung yang halus, konsisten dan beralun digunakan untuk membentuk kelopak, daun, serta batang, mewujudkan kesan kelembutan dan pergerakan semula jadi. • Bentuk: motif bunga dan daun diolah secara bergaya, mengekalkan identiti asal sambil memberi nilai estetika hiasan. • Ruang: ruang padat tertumpu di bahagian tengah susunan, manakala ruang bahagian sisi lebih luas menimbulkan keseimbangan komposisi. • Tekstur: garisan pada urat daun dan kelopak bunga mencipta tekstur halus yang memperkayakan permukaan visual. • Tona: variasi garisan tebal dan halus menghasilkan kontras yang menambah kedalaman pada komposisi motif.
Prinsip Rekaan	
	• Imbangan: susunan motif menampilkan imbangan asimetri yang tetap harmoni melalui keseimbangan antara bunga, daun dan sulur. • Kesatuan: motif bunga, daun dan sulur berpadu melalui kesinambungan garisan, mewujudkan kesatuan visual yang menyeluruh. • Irama: ulangan bentuk bunga dan daun menciptakan alunan irama visual yang teratur. • Penegasan: bunga utama di bahagian atas menjadi titik fokus yang mengarahkan fokus pandangan mata. • Kontras: perbezaan antara bentuk bulat bunga dan bentuk memanjang daun menghasilkan kontras yang menguatkan tarikan visual.

Bentuk fizikal

- Struktur: susunan motif tersusun kemas dan tidak berselerak, memperlihatkan kawalan rekaan yang rapi.
- Kejelasan: motif bunga dan daun jelas dikenali, menonjolkan identiti flora yang mudah difahami.
- Komposisi: bentuk menegak yang digunakan sesuai dijadikan panel ukiran kayu, menambah nilai hiasan pada seni bina tradisional.

Prinsip Estetika Zakaria Ali:

Simbolik, Makna dan Falsafah

1. Halus
 - Garisan lakaran yang kemas dan terperinci menunjukkan kehalusan seni ukiran tradisional.
 - Kelopak bunga mempunyai lengkungan lembut yang menyerlahkan tekstur dan keindahan bunga bungor.
2. Berguna
 - Motif ini sering digunakan dalam seni ukiran kayu untuk hiasan rumah, perabot, dan panel dekoratif.
 - Bunga bungor dikaitkan dengan keindahan alam semula jadi, menjadikannya elemen popular dalam seni bina Melayu.
3. Bersatu
 - Komposisi motif ini tersusun dengan baik, menghubungkan bunga, daun, dan batang menimbulkan kesan harmoni.
 - Setiap elemen saling melengkapi, mencipta keseimbangan visual dalam ukiran.
4. Berlawan
 - Kontras antara kelopak bunga yang besar dan daun yang panjang memberi keseimbangan reka bentuk.
 - Perbezaan ketebalan garisan pada kelopak, daun, dan batang menambahkan kedalaman serta kesan tiga dimensi.
5. Berlambang
 - Motif ini melambangkan keceriaan, kemakmuran, dan keharmonian dalam masyarakat Melayu.
 - Bunga Bungor yang mekar melambangkan keindahan, ketahanan, dan kesinambungan warisan budaya.
6. Bermakna
 - Lakaran ini bukan sekadar hiasan tetapi juga menggambarkan nilai budaya dan falsafah seni Melayu.
 - Motif ini mencerminkan hubungan erat antara manusia dan alam dalam kehidupan tradisional Melayu.

Prinsip Ikonografi:

1. Analisis Pra-ikonografi:
Lakaran ini menunjukkan ciri bunga bungor dengan kelopak yang besar dan tersusun, disertai dengan putik bunga mencerminkan kitaran pertumbuhan semula jadi.
2. Analisis Ikonografi (makna umum):

Dalam budaya Melayu, bunga bungor melambangkan kesuburan, kemakmuran, dan keindahan alam. Ia sering dikaitkan dengan musim berbunga yang menandakan keceriaan dan kelangsungan hidup.

3. Analisis Ikonologi (makna tersirat):

Makna yang lebih mendalam dalam motif ini ialah perlambangan kehidupan yang berkembang, harapan untuk masa depan, serta hubungan erat antara manusia dan alam semula jadi dalam kehidupan tradisional Melayu.

-
- Motif ini melambangkan kitaran kehidupan yang sentiasa berkembang dan berubah, mencerminkan perjalanan hidup manusia.
 - Kehadiran putik bunga menandakan harapan, rezeki yang berterusan, serta kelangsungan budaya dalam masyarakat Melayu.
 - Lakaran ini mencerminkan keunikan dan kehalusan seni ukiran Melayu yang diwarisi turun-temurun dan terus dihargai dalam konteks moden.
-

Lakaran Motif Bunga Kopi

Lakaran motif bunga kopi memperlihatkan gabungan elemen bunga, daun, dan buah kopi dalam satu komposisi seimbang yang melambangkan kesatuan antara alam semula jadi dan seni ukiran Melayu. Elemen bunga utama ditempatkan di bahagian tengah, manakala susunan daun dan buah kopi yang simetri menghasilkan keseimbangan visual yang harmonis. Penggunaan garisan minimalis serta susunan yang sederhana menyerlahkan keindahan asli motif bunga kopi tanpa sarat dengan perincian berlebihan. Motif ini lazim diaplikasikan dalam seni ukiran tradisional seperti pada perabot, panel pintu, dan seni bina kerana memiliki nilai estetika tinggi serta melambangkan hasil pertanian yang berharga. Perincian halus pada daun, kelopak bunga yang lembut, dan buah kopi yang tersusun rapi mencerminkan kesuburan, kekayaan alam, serta identiti budaya Melayu. Selain berfungsi sebagai elemen hiasan, motif bunga kopi turut membawa makna mendalam tentang kehidupan, kesuburan, dan kemakmuran. Simbolisme ini mengangkat nilai pertanian dan menempatkan kopi sebagai sumber ekonomi serta budaya yang signifikan dalam kehidupan masyarakat Melayu.



Lakaran 3: Motif bunga kopi

Sumber: Koleksi lakaran Idea Adiguru



Gambar 3: Bunga kopi

Sumber: <https://www.google.com/images>

Jadual 3: Huraian lakaran motif bunga kopi

Aspek	Huraian Lakaran
Ciri Visual	Prinsip Formalistik Seni: Unsur Seni • Garisan: garisan lengkung, beralun dan konsisten membentuk sulur serta daun, manakala garisan halus digunakan untuk menambah butiran tekstur pada permukaan. • Bentuk: motif bunga, daun, buah serta sulur diolah dalam gaya hiasan yang mengekalkan ciri asal tetapi bergaya. • Ruang: komposisi diisi secara seimbang dengan kepadatan motif antara ruang bahagian tengah dan ruang di sekeliling, mewujudkan keseimbangan tumpuan pandangan. • Tekstur: garisan urat pada daun dan kelopak bunga mewujudkan tekstur halus yang memberi kesan realistik. • Tona: bayangan pensil yang digunakan menonjolkan tona gelap dan cerah, mencipta kesan kedalaman visual pada motif yang dihasilkan. Prinsip Rekaan • Imbangan: motif disusun secara menegak dengan imbangan asimetri yang harmoni. • Kesatuan: motif bunga, daun, sulur dan buah terhasil melalui kesinambungan garisan dan susunan yang saling melengkapi.

- Irama: ulangan bentuk daun dan bunga menghasilkan irama visual yang beralun membentuk kesan menarik pada panel.
- Penegasan: bunga utama dengan kelopak yang lebih besar menjadi tumpuan utama dalam susunan.
- Kontras: perbezaan bentuk bulat buah, lebar daun, dan kelopak bunga menimbulkan kontras yang memperkayakan kesan visual pada motif.

Bentuk Fizikal

- Struktur: motif tersusun kemas dalam ruang menegak, kelihatan kemas dan tidak berselerak.
- Kejelasan: motif bunga mudah dikenali dan jelas dari segi bentuk, menyerlahkan identiti alam semula jadi.
- Komposisi: susunan berbentuk menegak sesuai digunakan untuk panel ukiran pada seni bina tradisional.

Simbolik, Makna dan Falsafah

Prinsip Estetika Zakaria Ali:

1. Halus
 - Garisan lakaran yang kemas dengan perincian tekstur pada daun dan kelopak bunga menunjukkan ketelitian dalam seni ukiran.
 - Penggunaan teknik lorekan menambah dimensi dan kehalusan pada motif.
2. Berguna
 - Motif ini sesuai digunakan dalam pelbagai elemen seni ukiran kayu seperti panel pintu, dinding, perabot, dan hiasan dalaman.
 - Bunga kopi melambangkan hasil tanaman yang bernilai dalam ekonomi dan budaya masyarakat.
3. Bersatu
 - Susunan bunga, daun, dan buah kopi dalam satu komposisi mencipta keseimbangan visual yang harmoni.
 - Hubungan antara elemen-elemen tumbuhan mencerminkan kesinambungan dan hubungan alam dengan seni.
4. Berlawan
 - Kontras antara bentuk bunga yang kecil dan daun yang besar memberi keseimbangan reka bentuk.
 - Penggunaan garisan halus dan lorekan memberi perbezaan tekstur antara setiap elemen.
5. Berlambang
 - Bunga kopi melambangkan kekuatan ekonomi dan ketekunan dalam pertanian.
 - Daun yang besar melambangkan perlindungan, sementara buah kopi menunjukkan hasil tuaian yang membawa kesejahteraan.
6. Bermakna
 - Motif ini bukan sekadar hiasan tetapi mempunyai makna mendalam berkaitan dengan kehidupan masyarakat yang bergantung pada kopi sebagai sumber pendapatan.
 - Mencerminkan hubungan erat antara manusia dan alam dalam seni ukiran tradisional Melayu.

Prinsip Ikonografi:

1. Analisis Pra-ikonografi:

Lakaran ini menggambarkan elemen tumbuhan kopi dengan bunga berbentuk bintang lima kelopak, daun yang besar beralun, serta buah kopi yang berkumpul dalam kelompok kecil.

2. Analisis Ikonografi (makna umum):

Dalam konteks budaya Melayu, kopi bukan hanya sekadar minuman atau tanaman ekonomi tetapi juga simbol kesuburan, ketekunan, dan kemakmuran.


3. Analisis Ikonologi (makna tersirat):

Motif bunga kopi membawa makna mendalam mengenai hubungan manusia dengan alam, kepentingan pertanian dalam kehidupan masyarakat, serta nilai kerja keras yang diwarisi turun-temurun.

- Susunan buah kopi yang banyak melambangkan rezeki, kemakmuran, kesuburan, keberkatan dan hasil yang melimpah dalam kehidupan masyarakat Melayu.
- Pohon kopi yang teguh dan berbuah sepanjang tahun mencerminkan ketabahan, kekuatan serta kecekalan dalam menghadapi cabaran hidup.
- Lakaran ini mencerminkan warisan dan budaya di mana seni ukiran Melayu sering mengambil inspirasi daripada alam semula jadi dan mengabadikan nilai-nilai tradisi dalam bentuk seni visual yang bermakna.

Lakaran Motif Bunga Mempisang

Lakaran motif bunga mepisang memperlihatkan kesatuan antara elemen bunga, batang, dan daun yang disusun dalam komposisi harmoni. Bunga utama menjadi titik fokus, manakala kedudukan berperingkat bagi batang dan daun mewujudkan keseimbangan visual yang semula jadi. Motif ini sering diaplikasikan dalam ukiran kayu pada rumah tradisional, perabot, dan seni bina kerana keindahan estetik serta makna simbolisme yang dikandungnya. Garisan beralun pada kelopak dan daun memberikan kesan kelembutan, manakala pusat bunga yang bertekstur silang menonjolkan penegasan terhadap motif tersebut. Dari segi makna, motif bunga mepisang bukan sekadar hiasan dekoratif, tetapi turut melambangkan ketahanan, kesuburan, dan keseimbangan dalam kehidupan. Simbolisme yang terkandung dalam motif ini juga mencerminkan kekuatan serta penghargaan masyarakat Melayu terhadap alam semula jadi sebagai sumber kehidupan dan inspirasi seni.



Lakaran 4: Motif bunga mempising

Sumber: Koleksi lakaran Idea Adiguru



Gambar 4: Bunga mempising

Sumber: <https://www.google.com/images>

Jadual 4: Huraian lakaran motif bunga mempising

Aspek	Huraian Lakaran
-------	-----------------

Ciri Visual

Prinsip Formalistik Seni:

Unsur Seni

- Garisan: garisan lengkung, halus dan konsisten digunakan untuk membentuk kelopak bunga, daun, serta batang yang beralun secara semula jadi.
- Bentuk: motif bunga dan daun diolah dalam bentuk bergaya, mengekalkan ciri asal dan memberi nilai estetika.
- Ruang: ruang padat tertumpu pada bahagian tengah motif, manakala bahagian di sekeliling dibiarkan lebih luas untuk keseimbangan visual.
- Tekstur: garisan dalam kelopak dan urat daun mewujudkan tekstur halus yang memperkayakan kesan permukaan motif.
- Tona: variasi garisan tebal dan nipis menghasilkan kesan kontras serta menambah kedalaman pada motif yang dihasilkan.

Prinsip Rekaan

- Imbangan: susunan motif memperlihatkan imbangan asimetri yang harmoni.
- Kesatuan: kesinambungan melalui garisan antara bunga, daun dan batang mewujudkan kesan kesatuan visual yang menarik pada motif.
- Irama: ulangan bentuk kelopak bunga dan daun menghasilkan alunan irama yang teratur.
- Penegasan: bunga utama di bahagian atas dengan kelopak besar menjadi titik tumpu yang dominan.
- Kontras: perbezaan bentuk bulat tengah bunga dengan bentuk memanjang kelopak dan daun menimbulkan kontras visual yang menarik.

Bentuk Fizikal

- Struktur: motif tersusun kemas dan tidak berselerak, memperlihatkan kawalan reka bentuk lakaran.
- Kejelasan: motif bunga mudah dikenali dan jelas menyerlahkan lagi identiti alam semula jadi.
- Komposisi: susunan menegak sesuai diaplikasikan dalam panel ukiran kayu, khususnya untuk hiasan seni bina tradisional seperti pintu dan tingkap.

Simbolik, Makna dan Falsafah

Prinsip Estetika Zakaria Ali:

1. Halus
 - Garisan lakaran yang rapi dan bersih menunjukkan kehalusan seni ukiran.
 - Perincian pada kelopak bunga yang panjang dan melengkung menambahkan keindahan pada motif.
2. Berguna
 - Motif ini sesuai digunakan untuk pelbagai jenis ukiran kayu seperti hiasan dinding, perabot, dan panel pintu.
 - Mempunyai nilai budaya dan tradisi dalam seni ukiran kayu Melayu.
3. Bersatu
 - Susunan kelopak bunga, daun, dan batang yang bertindih menunjukkan kesinambungan dan keseimbangan dalam komposisi.
 - Bentuk tumbuhan yang bercantum antara satu sama lain mencerminkan kesatuan dalam alam semula jadi.
4. Berlawan
 - Kontras antara garisan tebal dan nipis dalam lakaran menambah kedalaman dan dimensi kepada motif.
 - Kelopak bunga yang panjang berbeza dengan bentuk daun yang lebih kecil, mencipta keseimbangan visual.
5. Berlambang
 - Bunga memisahkan melambangkan keunikan flora tempatan serta ketahanan dalam persekitaran tropika.
 - Kelopak panjang yang mengembang, melambangkan pertumbuhan, keindahan, dan kesejahteraan.
6. Bermakna
 - Motif ini bukan sekadar corak hiasan tetapi membawa nilai tradisi dalam seni ukiran kayu.
 - Menggambarkan hubungan erat masyarakat Melayu dengan alam sekitar serta kehalusan seni warisan.

Prinsip Ikonografi:

1. Analisis Pra-ikonografi:
Lakaran ini menggambarkan motif bunga memisahkan yang terdiri daripada kelopak panjang beralun dan bahagian tengah berbentuk bulatan bertekstur.
2. Analisis Ikonografi (makna umum):

Dalam konteks budaya Melayu, bunga mempising sering dikaitkan dengan ketahanan dan kekuatan, kerana pohonnya yang mampu bertahan dalam pelbagai keadaan cuaca.

3. Analisis Ikonologi makna tersirat):

Motif ini membawa makna mendalam tentang hubungan manusia dengan alam, nilai kecekalan dalam kehidupan, dan keindahan yang lahir daripada kesederhanaan.

-
- Mempising yang mampu hidup dalam pelbagai persekitaran mencerminkan semangat daya tahan dan ketabahan dalam budaya Melayu.
 - Bunga mempising melambangkan kesuburan dan kesinambungan kehidupan, sesuai dengan sifatnya yang tumbuh subur di pelbagai kawasan.
 - Penggunaan motif bunga dalam seni ukiran mencerminkan penghargaan terhadap keindahan alam serta nilai estetika dalam warisan budaya Melayu.
-

Lakaran Motif Bunga Tanjung

Lakaran motif bunga tanjung memperlihatkan hubungan harmoni antara elemen bunga, daun, dan sulur yang saling melengkapi. Susunan bunga dan daun yang tidak simetri tetapi tetap seimbang dari segi ruang menjadikan reka bentuk ini lebih dinamik dan menarik. Penggunaan garisan beralun serta bentuk bunga yang sederhana namun elegan menonjolkan kelembutan dan keindahan estetik seni ukiran Melayu. Motif ini sering diaplikasikan dalam seni ukiran kayu pada perabot, panel dinding, pintu rumah, dan hiasan dalaman, sekali gus melambangkan keindahan serta warisan budaya Melayu. Selain berfungsi sebagai elemen dekoratif, motif bunga tanjung turut membawa simbolisme mendalam yang berkait rapat dengan kehalusan budi, keindahan, dan nilai estetika masyarakat Melayu. Makna yang terkandung dalam motif ini menjadikannya lambang kehalusan akhlak, kelembutan, serta penghargaan terhadap keindahan alam semula jadi yang menjadi inspirasi utama dalam seni ukiran kayu tradisional.

- Kontras: kontras terhasil daripada perbezaan bentuk bulat bunga dengan bentuk beralun sulur serta daun, menambah daya tarikan visual.

Bentuk Fizikal

- Struktur: motif disusun kemas mengikut bentuk menegak, mencipta susunan reka bentuk yang rapi.
- Kejelasan: motif bunga dan sulur jelas dikenali, menyerlahkan ciri asal bunga yang menjadi sumber inspirasi penghasilan motif.
- Komposisi: susunan menegak dan berulang sesuai dijadikan panel hiasan dinding seni bina tradisional.

Simbolik, Makna dan Falsafah Prinsip Estetika Zakaria Ali:

1. Halus
 - Garisan lakaran yang licin dan terperinci mencerminkan kehalusan seni ukiran tradisional.
 - Perincian pada kelopak bunga, daun serta sulur-sulur melengkung menambah nilai estetik.
2. Berguna
 - Motif ini boleh digunakan untuk seni ukiran kayu dalam hiasan rumah tradisional, pintu, dinding, dan perabot.
 - Corak yang klasik sesuai dalam pelbagai reka bentuk seni bina Melayu.
3. Bersatu
 - Elemen bunga, daun, dan sulur harmoni dalam susunan menegak.
 - Keseluruhan elemen mempunyai kesinambungan dan penyatuan membentuk satu motif yang harmoni.
4. Berlawan
 - Kontras antara bentuk kelopak bunga yang bersudut dengan lengkungan sulur memberikan keseimbangan visual.
 - Garisan tebal dan nipis memberi visual dimensi kedalaman motif.
5. Berlambang
 - Bunga Tanjung melambangkan kehalusan budaya Melayu serta kemewahan dalam seni tradisional.
 - Kelopak bunga dan susunan daun melambangkan keanggunan serta kesopanan dalam masyarakat Melayu.
6. Bermakna
 - Motif ini bukan sekadar hiasan tetapi membawa makna simbolik tentang ketelitian dan keindahan seni warisan Melayu.
 - Menggambarkan penghargaan terhadap alam sekitar serta nilai estetik yang tinggi dalam ukiran kayu tradisional.

Prinsip Ikonografi:

1. Analisis Pra-ikonografi:

Lakaran ini menggambarkan bunga tanjung yang mempunyai kelopak kecil dan tersusun dalam corak yang lembut, disertai dengan sulur beralun.

2. Analisis Ikonografi (makna umum):

Dalam budaya Melayu, bunga tanjung dikaitkan dengan keharuman dan kehalusan budi pekerti. Ia sering digunakan dalam adat istiadat sebagai simbol keunggulan dan kesucian.

3. Analisis Ikonologi (makna tersirat):

Motif ini bukan sahaja sekadar hiasan tetapi juga melambangkan keindahan alam semula jadi serta ketenangan dalam kehidupan masyarakat Melayu.

-
- Bunga tanjung sering dikaitkan dengan sifat-sifat terpuji, akhlak mulia dan kehalusan budi dalam budaya Melayu.
 - Motif ini membawa maksud kecantikan, keunggulan dan warisan budaya yang diwarisi dari generasi ke generasi.
 - Penggunaan motif bunga dalam seni ukiran mencerminkan penghormatan terhadap alam semula jadi sebagai sumber inspirasi utama dalam seni Melayu.
-

Perbincangan dan Implikasi Kajian

Dapatan kajian ini menegaskan bahawa lakaran motif bunga karya Adiguru Abd. Muhaimin Hasbollah bukan sekadar elemen hiasan, tetapi turut memuatkan nilai estetika, falsafah, dan simbolisme yang mendalam. Penemuan ini memperkukuh pernyataan dalam pengenalan bahawa seni ukiran kayu Melayu merupakan warisan budaya yang sarat dengan makna, mencerminkan hubungan erat masyarakat Melayu dengan alam serta pandangan hidup yang berteraskan keseimbangan dan keharmonian (Mohd Sabrizaa et al., 2023; Tengku Mariam et al., 2024).

Analisis terhadap lima motif utama iaitu bunga asam gelugur, bungor, kopi, mempising, dan tanjung secara langsung mengisi kelompongan yang dikenal pasti dalam penyelidikan terdahulu yang kurang memberi penekanan kepada tafsiran simbolik motif flora (Ismail & Ahmad, 2001; Sabrizaa, 2009; Mohammad Nazzri, 2013; Hanita, 2018). Penemuan ini selaras dengan kajian literatur bahawa lakaran memainkan peranan kritikal dalam proses penciptaan seni kerana ia membantu menyusun komposisi, mengelakkan kesilapan, dan mengekalkan keseimbangan visual (Ștefănescu, 2017; Novica et al., 2023).

Penekanan Abd. Muhaimin terhadap prinsip formalistik seni, seperti imbangan, kesatuan, irama, dan penegasan, menunjukkan bahawa lakaran bukan sekadar sketsa awal, tetapi asas kepada kelahiran karya seni yang harmoni. Penemuan ini juga konsisten dengan pandangan Mohamed et al. (2022) bahawa pengukir tradisional telah lama mengamalkan lakaran awal untuk memastikan kesimetrisan dan ketepatan motif flora.

Selain itu, penafsiran makna simbolik setiap motif bunga mengesahkan dapatan terdahulu bahawa flora dalam seni ukiran kayu Melayu membawa nilai budaya dan falsafah kehidupan.

Contohnya, bunga kopi melambangkan ketekunan dan kemakmuran, manakala bunga tanjung mencerminkan kehalusan budi serta kesucian. Tafsiran ini selaras dengan dapatan Ahmad Asri dan Yusoff (2022), Nurul Shakira et al. (2022), serta Tengku Mariam et al. (2024), yang menekankan bahawa motif flora bukan sahaja memperindah permukaan seni bina atau perabot, tetapi juga menjadi medium komunikasi budaya masyarakat Melayu.

Dari perspektif kontemporari, kajian ini menunjukkan bahawa seni ukiran kayu masih relevan walaupun menghadapi cabaran teknologi moden yang berpotensi menghakis keaslian seni tradisional (Norzehan, 2009). Dapatan ini membuktikan bahawa tokoh seperti Abd. Muhaimin mampu mengekalkan akar tradisi sambil memperkenalkan inovasi selaras dengan cita rasa semasa (Yusniza, 2020). Oleh itu, seni ukiran kayu Melayu bukan sahaja diwarisi sebagai warisan, tetapi juga boleh berkembang sebagai sumber inspirasi dalam industri kreatif kontemporari.

Implikasi kajian dapat dilihat dalam beberapa aspek. Pertama, dari segi pemeliharaan warisan budaya, dokumentasi sistematik terhadap lakaran motif bunga memastikan kesinambungan makna dan falsafah seni ukiran kayu Melayu. Kedua, dari sudut pendidikan dan penyelidikan, dapatan kajian ini boleh dijadikan rujukan dalam Pendidikan Seni Visual serta bidang seni warisan, selain memperkenalkan pendekatan analisis bersepadu yang menggabungkan prinsip formalistik, estetika, dan ikonografi. Ketiga, kajian ini memberi implikasi kepada industri kreatif, di mana motif bunga boleh diadaptasi ke dalam seni bina, reka bentuk grafik, fesyen, dan produk kontemporari bagi mewujudkan identiti tempatan yang berdaya saing di peringkat global. Akhir sekali, kajian ini memberi kesedaran kepada generasi muda tentang makna dan falsafah di sebalik motif ukiran, agar mereka dapat menghargai, menghayati, dan menginovasi tanpa menjejaskan akar tradisi.

Secara keseluruhannya, kajian ini membuktikan bahawa seni ukiran kayu Melayu mempunyai kedudukan penting bukan sahaja sebagai warisan budaya, tetapi juga sebagai sumber ilmu, inspirasi kreatif, dan asas kepada kelestarian identiti bangsa dalam menghadapi arus globalisasi.

Kesimpulan

Kajian ini membincangkan interpretasi lakaran motif bunga dalam seni ukiran kayu aliran Adiguru Abd. Muhaimin Hasbollah, dengan meneliti aspek visual, simbolik, dan estetika. Lakaran motif bunga merujuk kepada reka bentuk awal yang digunakan sebagai asas dalam penghasilan ukiran kayu. Lima motif utama yang dikaji ialah bunga asam gelugor, bunga kopi, bunga bungor, bunga mempisang, dan bunga tanjung. Setiap motif ini bukan sahaja berperanan sebagai elemen hiasan, tetapi juga membawa makna tersirat yang berkait rapat dengan nilai budaya dan falsafah hidup masyarakat Melayu. Penemuan kajian menegaskan bahawa lakaran memainkan peranan penting dalam memastikan keseimbangan visual, komposisi yang harmoni, serta pengungkapan simbolisme budaya dan estetika tradisional. Kajian ini mempunyai kepentingan signifikan dalam pemeliharaan warisan seni ukiran kayu Melayu, kerana ia mendokumentasikan motif bunga sebagai sebahagian daripada seni tradisional yang bernilai. Selain itu, ia boleh dijadikan rujukan kepada pelajar, pengkaji, pendidik, dan penggiat seni dalam industri kreatif untuk memahami nilai estetika serta falsafah yang terkandung dalam ukiran kayu Melayu. Sehubungan itu, diharapkan kajian ini dapat menyumbang kepada pemahaman yang lebih luas tentang seni ukiran kayu, sambil mendorong usaha pelestarian dan inovasi dalam bidang ini. Dedikasi terhadap generasi muda amat penting, agar mereka didedahkan kepada keunikan seni ukiran kayu Melayu dan memastikan warisan ini terus dihargai. Dengan pendekatan yang sistematik, seni ukiran kayu dapat terus berkembang dalam

dunia kontemporari tanpa mengabaikan akar tradisionalnya, sambil mengekalkan relevansi dan identiti budaya untuk diwarisi oleh generasi akan datang.

Rujukan

- Abd. Muhaimin Hasbollah. (2024). *Koleksi lakaran motif bunga* [Temu bual]. Inakraf, Temerloh, Pahang.
- Ahmad, M. N. (2016). *Falsafah seni ukiran kayu Melayu* (Tesis PhD). Universiti Malaya.
- Ahmad Asri, N. S., & Yusoff, M. Y. (2022). Motif alam dan tumbuhan dalam seni ukiran kayu Melayu di Besut, Terengganu. *Jurnal Wacana Sarjana*, 6(1), 1–8. <https://spaj.ukm.my/jws/index.php/jws/article/view/461>
- Ahmad Naim Mustaqim Yusri, & Chee, S. A. (2022). Konsep pemikiran dalam ukiran kayu tradisional masyarakat Melayu. *Jurnal Peradaban Melayu*, 17(2), 49–55.
- Amira Fazira Shaifuddin, Nur Farisha Yahya, Wan Abdul Malek W. Abdullah, & Nik Azliza N. Ariffin. (2021). Persona seni ukiran Melayu Terengganu. *Jurnal Sejarah Lisan Malaysia*, 5(2).
- Astuti, D., & Wibowo, A. A. (2019). Kajian ikonografi dan ikonologi Soko Guru Tunggal pada Masjid Soko Tunggal Tamansari Yogyakarta. *Jurnal Desain Komunikasi Visual dan Media Baru*. Institut Seni Indonesia Yogyakarta.
- Farah Wahidah Gazali, & Arba'iyah Ab. Aziz. (2024). Woodcarving motifs of Melaka traditional house: Rumah Mohd Hassan Bin Ali. *International Journal of Art & Design*, 8(2), 228–241. <https://doi.org/10.24191/ijad.v8i2.1528>
- Hanita Yusof. (2018). *Identiti ukiran kayu bagi Rumah Limas Johor* (Tesis PhD). Universiti Teknologi Malaysia.
- Hanita Yusof, & Mohd Nor, M. F. I. (2018). Identiti dan tipologi motif ukiran kayu bagi Rumah Limas Johor. *Journal Design + Built*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Ismail, S., & Abdullah, A. S. (2001). *Spesies-spesies kayu dalam seni ukiran Melayu*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Jabatan Warisan Negara. (2022). *Seni warisan ukiran kayu Melayu tradisional*. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia.
- Kraftangan Malaysia. (2019). Abd. Muhaimin Bin Hasbollah – Adiguru kraf ukiran kayu. <https://www.kraftangan.gov.my/en/info/master-craftsmen/abd-muhaimin-bin-hasbollah>
- Mohamed, M., Samsudin, S. S., Ismail, N., & Mohammed, N. (2022). Sinusoidal curve in floral motifs of Malay woodcarving: A preliminary study. In N. A. Yacob, D. A. Tholibon, N. Y. Mohd Yunus, Z. Jamil, & S. Mohd Tahir (Eds.), *Fundamental and applied sciences in Asia* (pp. 187–195). Springer Nature Singapore. https://doi.org/10.1007/978-981-19-4910-4_18
- Mohd Rozaimi Hamat, & Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff. (2020). Motif alam flora dalam seni ukiran logam halus Kelantan. *Jurnal Melayu*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Sabrizaa Abd Rashid, Ahmad Zulkifli Abd Rahim, & Norhaiza Noordin. (2023). The aesthetic and philosophy of Malay wood carving. *Journal of Design and Built Environment*, 23(1), 12–25. <https://doi.org/10.22452/jdbe.vol23no1.2>
- Novica, D. R., Wianto, E., & Andrade Campos, S. (2023). Drawing and ideation process in design education: A systematic literature review. *Cogent Arts & Humanities*, 10(1). <https://doi.org/10.1080/23311983.2023.2219487>
- Nurul Shakira, Ahmad Asri, & Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff. (2022). Motif alam dan tumbuhan dalam seni ukiran kayu Melayu di Besut, Terengganu. *Jurnal Wacana Sarjana*, 6(1), 1–8. <https://ejournal.ukm.my/jws/article/view/461>
- Sabrizaa Abd Rashid. (2009). *Cadangan kaedah kod 'S' bagi penamaan dan penentuan motif bunga ukiran Melayu dalam proses inventori*. Centre for Knowledge & Understanding of Tropical Architecture & Interior (KUTAI), Universiti Teknologi MARA Perak.

- Ștefănescu, M. (2017). The importance of the drawing in the artistic creation process. *George Enescu University of Arts of Iasi*. <https://doi.org/10.1515/rae-2017-0025>
- Tengku Mariam, T. S., Ismail, Z., Rahim, R. A., & Talib, N. M. (2024). Natural motifs in the Terengganu heritage of wood carving art. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 14(3), 754–764. <https://doi.org/10.6007/IJARBS/v14-i3/21026>
- Yusniza Mohamed Yusof. (2020). *Muhaimin Bin Hasbollah: Manifestasi seni ukiran kayu kontemporari* (Tesis). Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif.
- Zakaria Ali. (1987). *Seni dan seniman: Esei-esei seni halus*. Dewan Bahasa dan Pustaka.